



**NOTIS IKLAN KERJA UNDI SECARA ONLINE FASA 3 NEGERI KEDAH DARUL AMAN
TAHUN 2024 BAGI DAERAH LANGKAWI**

1. Kerja Undi adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera Gred G1 Daerah Langkawi yang mempunyai Sijil Perakuan CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), serta memiliki Sijil Taraf Bumiputera (STB) beralamat di Daerah Langkawi, Kod Bidang yang ditetapkan seperti Lampiran A serta mempunyai rekod kerja bersih daripada agensi-agensi Kerajaan serta yang tidak berjaya mendapat Kerja Undi Fasa 1 dan Fasa 2 yang diadakan sebelum ini.
2. Bagi Kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dan membuat bayaran melalui Sistem Pendaftaran Kontraktor / Pembekal / Firma Perunding secara atas talian (Aplikasi iDAFTAR) adalah LAYAK untuk memasuki kerja undi.
3. Pihak Kontraktor diminta untuk log masuk ke dalam Aplikasi iDAFTAR dan pilih butang "KERJA UNDI" pada 18 Ogos 2024 (Ahad) mulai jam 08.30 pagi hingga 19 Ogos 2024 (Isnin) jam 11.00 pagi untuk Pendaftaran dan bayaran tambahan yang dikenakan sebanyak RM10.00. Bayaran RM10.00 ini tidak akan dikembalikan sekiranya kontraktor TIDAK BERJAYA dalam proses Cabutan Kerja Undi. Sebarang urusan Pengecualian dan Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN. Pendaftaran AKAN DITOLAK serta merta sekiranya pendaftaran yang dibuat secara atas talian (online) adalah berganda (Melebihi 1 Pendaftaran).
4. Pemilik Syarikat yang dinamakan mestilah memastikan tempoh sah laku semua sijil seperti dinyatakan di Perenggan 1 adalah dalam tempoh sah laku tidak kurang Sembilan Puluh (90) hari mulai 28 Ogos 2024 sehingga 25 November 2024. Kontraktor perlu memuatnaik salinan Sijil CIDB, SPKK, PPK, STB dan Resit Berdaftar Dengan Kerajaan Negeri Kedah. Kontraktor yang memenuhi syarat ini sahaja akan dipelawa untuk menyertai kerja-kerja seperti di LAMPIRAN A.
5. Mana-mana kontraktor yang TIDAK BERDAFTAR melalui Aplikasi iDAFTAR adalah tidak layak menyertai kerja undi ini.
6. Tarikh dan masa Cabutan Undi bagi Daerah Langkawi adalah seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 28 Ogos 2024 (Rabu)
Jam : 11.05 pagi - 11.20 pagi
Tempat : FB LIVE WARTA KEDAH

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD SUBHI BIN ABDULLAH, AMK.,BCK.)
Pegawai Daerah Langkawi
Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi,
Kedah Darul Aman

Tarikh : 14 Ogos 2024

**SENARAI KELULUSAN PROJEK SENGGARA JALAN KAMPUNG DI BAWAH PERUNTUKAN
MARRIS DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN BAGI TAHUN 2024 (FASA 3)**

JABATAN : PEJABAT DAERAH LANGKAWI

Bil.	No. Rujukan	Tajuk Kerja	Peruntukan (RM)	Gred Pengkhususan
1	PDL/MARRIS/F3/2024/01	KERJA - KERJA MENYENGGARA JALAN KAMPUNG PERANA DAN KAMPUNG RANGKAIAN MUKIM ULU MELAKA SERTA KERJA BERKAITAN DENGANNYA	126,176.00	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21
2	PDL/MARRIS/F3/2024/02	KERJA - KERJA MENYENGGARA JALAN KAMPUNG PADANG LALANG DAN KAMPUNG RANGKAIAN MUKIM KUAH SERTA KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	72,500.00	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21
3	PDL/MARRIS/F3/2024/03	KERJA-KERJA MENYENGGARA JALAN KAMPUNG EWA SERTA KAMPUNG RANGKAIAN, MUKIM AYER HANGAT SERTA KERJA BERKAITAN DENGANNYA	102,000.00	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21
4	PDL/MARRIS/F3/2024/04	KERJA - KERJA MENYENGGARA JALAN KAMPUNG SUNGAI MENGHULU DAN KAMPUNG RANGKAIAN MUKIM KUAH SERTA KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	85,500.00	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21
5	PDL/MARRIS/F3/2024/05	KERJA - KERJA MENYENGGARA JALAN KAMPUNG BELANGA PECAH DAN KAMPUNG RANGKAIAN MUKIM KUAH SERTA KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	138,500.00	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21
6	PDL/MARRIS/F3/2024/06	KERJA - KERJA MENYENGGARA JALAN KAMPUNG SEBERANG AIR HANGAT DAN KAMPUNG RANGKAIAN, MUKIM AYER HANGAT SERTA KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	87,000.00	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21
		JUMLAH PERUNTUKAN	611,676.00	

